

Tiada lagi rundingan untuk penceroboh Filipina, kata Najib
Malaysian Insider
2 Mac, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

PETALING JAYA, 2 Mac — Kerajaan Malaysia tidak akan berlembut dengan penceroboh bersenjata dari Filipina kerana kumpulan bersenjata terbabit telah melakukan kesalahan jenayah yang besar dengan menceroboh negara ini dan membunuh dua anggota polis kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Najib (gambar) ketika sidang media selepas mengiringi jenazah Inspektor Zulkifli Mamat, 29 dan Koperal Sabaruddin Daud, 46, yang merupakan anggota Komando VAT 69 yang terbunuh dalam pertempuran di Lahad Datu semalam menegaskan kerajaan Malaysia juga tidak akan berunding untuk kali kedua dengan penceroboh yang mendakwa mereka adalah Tentera Ketuanan Sulu.

“Kerajaan ambil pendirian, masa untuk mempertimbangkan permintaan kumpulan tersebut telah berakhir.

“Kita bertegas dalam hal ini kerana apa yang mereka lakukan jenayah yang amat serius ... mereka ceroboh dan bunuh anggota polis, serta mencederakan anggota keselamatan kita ... mereka hanya ada dua pilihan, serah diri atau terima tindakan daripada pihak keselamatan,” tegasnya.

MENYUSUL LAGI

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-lagi-rundingan-untuk-penceroboh-filipina-kata-najib/>